

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HKB 310 - Karya-karya Terpilih dari
Kesusasteraan Eropah

Tarikh: 8 April 1986

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja, SATU(1) soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, B, C dan D.

BAHAGIAN A

1. "Jikalau tidak kerana kesengsaraan, manusia tidak akan tahu pembatasannya (limitations), tidak akan sedar tentang dirinya sendiri."

Merujuk kepada kutipan di atas, bicarakan tentang kudrat Oedipus dengan menumpukan perhatian kepada istilah-istilah berikut: "harmatia," "peripeteia," "anagnorisis."

2. Bincangkan perwatakan Creon, Jocasta dan Tiresias dan tunjukkan peranan mereka di dalam perkembangan persoalan Sophocles.

BAHAGIAN B

3. Setakat manakah Wordsworth berjaya mempersebahkan kepada pembaca puisinya, peristiwa-peristiwa biasa dengan "pengwarnaan imaginasi yang tertentu" (a certain colouring of imagination).

4. "Puisi penyair Romantis tidak mempunyai makna sosial, mereka asyik menikmati perasaan-perasaan dan persepsi-persepsi individu."

Merujuk kepada kutipan ini, bincangkan peranan Byron sebagai penulis puisi sindiran.

5. "Keats berusaha untuk menerapkan di dalam puisinya satu (fusion) penyatuan di antara yang asli dan yang unggul, yang sementara dan yang abadi."

Berdasarkan kutipan ini, menilaikan pencapaian Keats.

BAHAGIAN C

6. "Ujian yang paling yakin tentang kecemerlangan sesebuah cerpen adalah tergantung kepada setakat mana ia dapat memberi kepada kita kepastian tentang kesedaran moral pengarang dan fahaman pengarang yang yakin tentang kerumitan dan tanggungjawab di dalam perhubungan manusia."

Dengan merujuk kepada pendapat di atas, kaji dua(2) buah cerpen yang terdapat di dalam kursus ini.

7. "Tidak ada wira di dalam kesusasteraan kontemporari."

Adakah anda bersetuju dengan pendapat ini? Bicarakan kutipan di atas dengan penghayatan dua(2) buah cerpen.

BAHAGIAN D

8. Sejauh manakah D.H. Lawrence berjaya menyakinkan kita tentang kepentingan pengalaman-pengalaman yang berdasarkan naluri di dalam kewujudan manusia?
9. Bincangkan tema keasingan (kesunyian, kegagalan manusia di dalam usaha berkomunikasi) di dalam Exiles (James Joyce).